



**PANDUAN PENGGUNA**  
**PEMBAHARUAN SIJIL DIGITAL**

**- ezHASiL -**

---

## ISI KANDUNGAN

BAHAGIAN A: PENGENALAN .....	3
1.1 Tujuan.....	3
1.2 Keperluan Sistem .....	3
1.3 Penyenggaraan Pelayar Web .....	3
BAHAGIAN B: AKSES KE LAMAN WEB ezHASiL.....	4
BAHAGIAN C: MODUL PENGGUNA ezHASiL .....	5
1.1 Pembaharuan Sijil Digital Tamat Tempoh .....	5

## BAHAGIAN A: PENGENALAN

### 1.1 Tujuan

Dokumen ini bertujuan untuk memberi panduan ringkas kepada pengguna yang ingin menggunakan sistem ezHASiL- Antaramuka Berpusat.

### 1.2 Keperluan Sistem

Keperluan	Butiran
Komputer/Prosesor	Sekurang-kurangnya Intel Pentium® III ke atas
Memori	Sekurang-kurangnya 128 megabait (MB)
Sistem Pengoperasian	Sekurang-kurangnya Microsoft Windows 7 (Service pack terkini), Linux dan Macintosh
Pelayar Web Microsoft Internet Explorer 11.0 atau ke atas Microsoft Edge Mozilla Firefox 44.0 Google Chrome 46.0 Safari 5	Enkripsi 128-bit
Sijil Digital e-Filing	
Talian Internet	Keutamaan berkelajuan 512Kbps ke atas
Adobe Reader	Untuk mencetak Semakan Pengesahan dan Panduan Pengguna

### 1.3 Penyenggaraan Pelayar Web

Bagi menggunakan ezHASiL sistem, anda dikehendaki untuk menyenggara tetapan di Pelayar Web anda. Sila ikuti langkah-langkah berikut :

Internet Explorer	Ke Tools -> Internet Options -> Privacy -> Pop-up Blocker. Klik pada kotak "Turn On pop-up Blocker" untuk membuang tanda v.
Microsoft Edge	Ke Settings -> Advanced Setting -> View Advanced Setting -> Block pop-ups. Klik butang untuk menukar paparan kepada "OFF".
Mozilla Firefox	Ke Menu -> Options -> Content -> Pop ups. Klik pada kotak "Block pop-up windows" untuk membuang tanda v.
Google Chrome	Ke Settings -> Privacy -> Contents settings -> Pop-ups. Klik pada pilihan "Allows all sites to show pop-ups".
Safari	Ke Settings. Pilih "Block Pop Up Windows" untuk membuang tanda v.

## BAHAGIAN B: AKSES KE LAMAN WEB ezHASiL

Layari laman web rasmi ezHASiL di pautan <https://ez.hasil.gov.my>




The screenshot displays the ezHASiL website interface. At the top, there is a navigation bar with the LHDN MALAYSIA logo, the ezHASiL logo, and language options (BM | EN). The main content area is divided into two columns. The left column features a banner for 'm-Filing' with the URL <https://mfiling.hasil.gov.my> and a 'PENGUMUMAN' (Announcement) section. The announcement text states: 'KENYATAAN MEDIA : TAMBAHAN MASA MENGENUKAKAN BORANG E SECARA E-FILING' and 'Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin memaklumkan bahawa pengemukaan Borang E Tahun Taksiran 2015 secara e-Filing akan dilanjutkan sehingga 30 April 2016.' Below the announcement is a link for 'Muat Turun Berita'. The right column shows the 'Log Masuk' (Login) form, which includes a text input field for 'NO. PENGENALAN' and radio button options for 'No. Kad Pengenalan Baru', 'No. Pasport', 'No. Tentera', and 'No. Polis'. There are 'Semula' and 'Hantar' buttons. Below the form, there are links for 'Login Kali Pertama' and 'Terlupa Kata Laluan', and contact information for assistance: 'Perlukan bantuan? 1-800-88-5436 (LHDN) / +603-7713 6666 (Luar Negara)'.

Arkib >>

## BAHAGIAN C: MODUL PENGGUNA ezHASiL

### 1.1 Pembaharuan Sijil Digital Tamat Tempoh


Bagi pengguna yang telah lupa Kata Laluan, pengguna dikehendaki untuk melakukan fungsian **Terlupa Kata Laluan** terlebih dahulu sebelum teruskan untuk memperbaharui sijil digital.



1. Sijil Digital boleh diperbaharui melalui fungsi **Log Masuk**. Masukkan No.Pengenalan dan pilih Jenis Pengenalan yang tepat. Seterusnya klik butang **Hantar**. Skrin Log Masuk yang seterusnya akan dipaparkan.




2. Jika anda tidak menetapkan lagi Frasa Keselamatan, frasa keselamatan tidak akan dipaparkan (rujuk label 1), masukkan Kata Laluan dan klik butang **Teruskan**.  
**ATAU**  
Jika anda telah menetapkan Frasa Keselamatan (rujuk label 2), pastikan frasa keselamatan yang dipaparkan adalah tepat. Jika tepat, masukkan Kata Laluan dan klik butang **Teruskan**.
3. Jika Sijil Digital anda telah tamat tempoh, mesej pemberitahuan Sijil Digital telah tamat tempoh akan dipaparkan.




4. Klik butang **OK**. Sistem ezHASiL akan memaparkan skrin Pembaharuan Sijil Digital.



5. Setelah selesai membaca maklumat pemberitahuan, pilih **Setuju** dan klik butang **Teruskan**. Sistem ezHASiL akan memaparkan skrin Login Sijil Digital.



6. Masukkan No. Rujukan (No. Pengenalan) dan Kata Laluan yang tepat. Seterusnya klik butang **Login**. Sistem Roaming PKI akan memperbaharui Sijil Digital anda dan memaparkan skrin di bawah jika berjaya.



The screenshot shows the ezHASiL website interface. At the top, there is a navigation bar with the LHDN MALAYSIA logo, the ezHASiL logo, and a home icon followed by links for 'Perkhidmatan', 'Bantuan', 'Soalan Lazim', and 'Hubungi Kami'. Below this is a blue header for 'Pembaharuan Sijil Digital'. The main content area contains a message: 'Sijil Digital anda telah berjaya diperbaharui Sila klik di [sini](#) untuk log masuk.' A red arrow points to the word 'sini' in the message. Below the screenshot, a numbered list item reads: '7. Klik pautan [sini](#) untuk log masuk sistem ezHASiL.'